

25 FEB 2000

Nazri-Pelajar

KERAJAAN THAILAND MINTA TAMBAH PELAJARNYA DI IKM

PASIR MAS, 25 Feb (Bernama) -- Thailand telah meminta Malaysia mengambil lebih ramai pelajar negara itu untuk mengikuti pengajian di Institut Kemahiran Mara (IKM), kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai sendiri telah menyatakan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

IKM mula mengambil pelajar di selatan Thailand seramai 55 orang tahun lepas yang ditempatkan di kampus negeri ini dan Besut, Terengganu.

Tahun ini kementerian membenarkan 115 lagi pelajar negara itu mengikuti pengajian di IKM dan ia bercadang mengambil lebih ramai lagi pelajar Thailand untuk ditempatkan di kampus-kampus IKM setiap negeri yang bersempadan dengan Thailand.

"Kebanyakan pelajar dari negara itu adalah keturunan Melayu yang tidak menghadapi masalah bahasa kerana setiap pembelajaran di IKM adalah dalam Bahasa Melayu," katanya kepada pemberita selepas melawat IKM Pasir Mas, di Lubuk Jong di sini, petang semalam.

Nazri juga berkata kerajaan akan membina 20 IKM lagi di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Ketika ini terdapat 11 IKM di seluruh negara dan IKM Pasir Mas adalah yang pertama menawarkan lima kursus peringkat diploma dengan pengambilan pertama seramai 100 orang pada 3 April depan.

Lima kursus diploma yang ditawarkan di IKM yang baru dibina itu ialah Diploma Teknologi Elektronik (Industri), Diploma Teknologi Elektrik (Kuasa), Diploma Teknologi Senibina, Diploma Teknologi Awam (Binaan Bangunan) dan Diploma Teknologi Mekanikal (Lukisan Rekabentuk).

Penganugerahan diploma akan dilakukan oleh Universiti Teknologi Malaysia, katanya.

IKM itu dijangka dirasmikan Sultan Kelantan pada Jun depan.

-- BERNAMA

ZI RON